

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 FEBRUARI 2022  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 34

## Kilang NBL terbesar dunia di KRC

# Kilang NBL terbesar dunia di KRC

Oleh JAMLIH ABDULLAH  
utusannews@mediamulla.com.my

**PADANG TERAP:** Pelabur perintis Kedah Rubber City (KRC), Hong Seng Consolidated Bhd. (Hong Seng) bekerjasama dengan Mitsui & Co (Malaysia) Sdn. Bhd. membangunkan sebuah kilang getah nitril butadiena (NBL) terbesar di dunia di taman perindustrian tersebut mulai tahun ini.

Menurut Pengerusi Bukan Eksekutif Hong Seng, Datuk Muhammed Suffian Awang, pihaknya optimis pelaburan bernilai RM3 bilion itu mampu menyemarakkan pembangunan KRC yang dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, semalam.

"Ini adalah kerjasama strategik yang membawa pelaburan RM3 bilion ke KRC. Ia bukan saja memberi peluang kepada rakyat Kedah tetapi seluruh penduduk di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Projek Strategik Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Kedah Rubber City (KRC) di Ladang Bukit Ketapang di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Urusan Mitsui & Co (Malaysia), Daiji Kojima dan Pengarah Eksekutif Hong Seng, Lester Chin Kent Lake.

Beliau memberitahu, pembu-



PERDANA Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyaksikan majlis pertukaran dokumen kerjasama strategik antara Hong Seng dan Mitsui & Co (Malaysia) untuk projek pembangunan kilang getah nitril butadiena (NBL) terbesar dunia di KRC, Padang Terap, Kedah, semalam.

kaan kilang tersebut juga dijangka memberi limpahan ekonomi kepada penduduk setempat terutama dalam kalangan usahawan industri kecil dan sederhana (IKS).

"Pembinaan kilang ini akan beri peluang kepada industri kecil, SME dan vendor untuk turut serta bersama kita di KRC.

"Kerjasama Mitsui & Co ini juga diharapkan dapat memper-

hebatkan lagi KRC," katanya.

Tambahnya, pelbagai skil pekerjaan daripada mahir sehingga ke separa mahir akan ditawarkan di kilang berkenaan kelak.

Dalam pada itu, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor ketika berucap pada majlis perasmian itu berkata, trend pelaburan positif yang ditunjukkan oleh

Kedah kini akan disemarakkan lagi dengan pembangunan KRC.

"Pembangunan KRC di daerah Padang Terap juga adalah bertepatan dengan identiti daerah ini yang berteraskan getah

"Saya yakin, KRC juga mampu mengikut jejak langkah Industri Kulim Hi-Tech Park (KHTP) dalam menarik kemasukan pelaburan yang berkualiti yang mampu menjana limpahan

manfaat kepada rakyat negeri Kedah, khususnya dari segi mewujudkan peluang pekerjaan dan keusahawanan baharu," katanya.

KRC merupakan sebuah taman perindustrian getah khusus mesra alam pertama di Malaysia yang dijangka mengekalkan trajektori pertumbuhan semasa negeri ini dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).